

MAKLUM BALAS ADUAN PELAJAR BERKAITAN TIDAK BERJAYA MENGINAP DI KOLEJ
PADA SESI HADAPAN

Dengan segala hormatnya, pihak kami merujuk kepada aduan email daripada **Encik Mohd Syihabuddin bin Mohd, No. Kad Pengenalan: 870217065657** iaitu ahli keluarga kepada salah seorang pelajar program Doktor Perubatan Tahun Empat yang menginap di Kolej Tujuh Belas, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kronologi daripada aduan yang diterima adalah pengadu membuat aduan berikutan daripada salah seorang ahli keluarga beliau iaitu pelajar program Doktor Perubatan Tahun Empat yang tidak berjaya menginap di kolej pada sesi 2014/2015. Pengadu mendakwa bahawa pihak kolej tidak sensitif berhubung kesulitan yang dihadapi oleh pelajar terutama pelajar program Doktor Perubatan yang dianggap sebagai program kritikal di Malaysia sehingga tidak membenarkan pelajar menginap di kolej hanya kerana tidak mempunyai markah merit yang mencukupi seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.

Sebelum pihak kami menjawab segala aduan dan kemusykilan yang dihadapi oleh pihak pengadu, suka kiranya pihak kami memaklumkan serba sedikit mengenai penginapan di Kolej Tujuh Belas.

Untuk makluman pengadu, Kolej Tujuh Belas adalah sebuah kolej yang menyediakan dan menempatkan penginapan pelajar-pelajar daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan serta Fakulti Perubatan Veterinar yang terdiri daripada pelbagai program pengajian seperti Doktor Perubatan, Sains Bioperubatan, Kejururawatan, Pemakanan Kesihatan Komuniti, Kesihatan Persekitaran Pekerjaan, Dietetik dan Doktor Perubatan Veterinar. Kolej Kediaman di UPM bukan sahaja menyediakan tempat tinggal yang kondusif bagi pembelajaran tetapi juga berperanan utama dalam mempertingkatkan sahsiah pelajar. Pembangunan sahsiah dan kepimpinan pelajar boleh diperolehi melalui aktiviti-aktiviti seperti sukan, kebudayaan, kerohanian, keusahawanan dan lain-lain aktiviti yang dianjurkan dan dilaksanakan oleh pelajar kolej ataupun secara anjuran bersama dengan Pihak Pengurusan Kolej, Fakulti dan Universiti, dimana aktiviti-aktiviti yang dirancang selalunya akan diadakan di luar waktu pembelajaran pelajar.

Penempatan penginapan pelajar di Kolej Kediaman adalah diberi keutamaan kepada pelajar-pelajar baharu manakala penempatan pelajar-pelajar yang sedia ada/lama adalah bergantung kepada kekosongan dan pemilihan pelajar untuk menginap pada sesi berikutnya dibuat berasaskan kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti pembangunan sahsiah melalui pelaksanaan sistem merit yang diperkenalkan oleh pihak Universiti. Oleh sebab itu, sistem merit ini digunapakai bukan sahaja di Kolej Tujuh Belas, malah secara menyeluruh di semua Kolej Kediaman di UPM dan meliputi semua pelajar/penghuni kolej kediaman tanpa mengira program pengajian. Sistem merit ini juga bukan suatu perkara yang baharu malah telah lama diperkenalkan dan digunapakai di kolej-kolej kediaman di UPM.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap pelajar yang menginap di Kolej Kediaman untuk memastikan mereka terlibat dengan aktiviti yang dijalankan sama ada di peringkat Kolej Kediaman, Fakulti ataupun di peringkat Universiti dan memastikan mereka mempunyai merit yang mencukupi bagi menjamin penempatan mereka di Kolej Kediaman tersedia.

Sehubungan dengan itu, semua pelajar yang menginap di kolej-kolej kediaman di UPM bertanggungjawab dan digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang telah dirancang secara tersusun dan berjadual pada setiap sesi kemasukan pelajar bagi mendapat jumlah markah merit yang ditetapkan supaya layak untuk terus menginap di kolej pada sesi pengajian seterusnya.

Bagi menjawab aduan daripada pihak pengadu, pihak kami telah menyelidik aduan ini dan telah menghubungi pengadu iaitu, Encik Mohd Syihabuddin bin Mohd dan dimaklumkan bahawa pengadu sebenar adalah **Nur Aazifah binti Ilham** yang merupakan isteri beliau. Nur Aazifah binti Ilham merupakan pelajar program Doktor Perubatan Tahun Empat yang gagal mendapat tempat penginapan di Kolej Tujuh Belas, UPM pada sesi hadapan.

Di sini terdapat beberapa justifikasi bagi menjawab aduan yang diterima daripada pengadu:

1. Pihak Pengurusan Kolej telah mengadakan sesi taklimat berkaitan sistem merit pada awal semester bermula kepada semua pelajar-pelajar yang menginap di Kolej Tujuh Belas. Taklimat ini menerangkan mengenai sistem merit yang digunapakai dan keperluan untuk mengumpul markah merit yang ditetapkan oleh pihak Universiti bagi menjamin tempat penginapan pelajar-pelajar pada sesi berikutnya dan Buku Rekod

Aktiviti Mahasiswa juga telah diedarkan kepada setiap pelajar yang mengandungi maklumat berhubung dengan sistem merit ini. Buku Rekod Aktiviti yang dibekalkan kepada setiap pelajar ini juga adalah bertujuan bagi membolehkan pelajar merekodkan dan sebagai bukti penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti pembangunan sahsiah dan kepimpinan yang disertai oleh mereka.

2. Pemilihan pelajar yang layak menginap di kolej pada sesi berikutnya dibuat sejajar seperti yang terdapat di dalam Sistem Pengurusan Kualiti, QMS ISO 9001: Prosedur Persediaan Penempatan dan Pendaftaran Masuk Pelajar Lama (UPM/OPR/KOLEJ/P003). Pihak kolej hanya menjalankan tugas dan bertanggungjawab untuk mematuhi polisi dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Universiti berkaitan pemilihan pelajar bagi kelayakan menginap di kolej pada sesi hadapan dan setiap pelajar di kolej kediaman bertanggungjawab untuk mematuhi polisi ini dengan mempunyai markah merit yang mencukupi dan syarat-syarat lain yang berkaitan.
3. Proses pemilihan pelajar layak tinggal di Kolej Tujuh Belas untuk sesi pengajian hadapan/baharu telah dijalankan melalui proses penilaian markah merit kepada kumpulan pelajar program Doktor Perubatan Tahun Empat seramai 124 orang pelajar. Seramai 47 orang pelajar yang gagal mencapai markah merit yang ditetapkan telah diberi peluang bagi menghadiri proses temuduga rayuan dan daripada jumlah tersebut, 16 orang pelajar tidak berjaya bagi mendapat tempat penginapan di Kolej Tujuh Belas bagi sesi pengajian hadapan.
4. Jawatankuasa Pemilihan Penempatan Kolej Tujuh Belas telah menjalankan proses penilaian markah merit serta proses rayuan dan telah mendapati isteri kepada pengadu tidak mempunyai jumlah merit yang mencukupi dan juga tidak mencapai jumlah merit minimum yang telah ditetapkan oleh pihak universiti, serta tidak mempunyai alasan yang menyakinkan serta munasabah atas kegagalan beliau bagi melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pembangunan sahsiah dan kepimpinan yang telah dijalankan samada di peringkat Kolej, Fakulti mahupun di peringkat Universiti. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Pemilihan Penempatan Kolej Tujuh Belas telah bersetuju dan mengambil keputusan untuk tidak menyediakan penempatan kepada beliau di Kolej Tujuh Belas pada sesi baharu pengajian.

5. Pihak Universiti khasnya dan pihak Kementerian amnya berhasrat untuk melahirkan graduan berkualiti yang berdaya saing dan mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi bukan sahaja dari segi aspek kecemerlangan akademik semata-mata tetapi pembentukan kemahiran di dalam diri setiap pelajar yang bergelar mahasiswa dan mahasiswi supaya apabila mereka keluar sahaja daripada Universiti, mereka mempunyai kemantapan fizikal dan mental bagi menghadapi cabaran dunia luar.

Semoga maklum balas ini dapat memberi penjelasan mengenai keadaan sebenar dan menjawab segala kemusykilan daripada pihak pengadu berkaitan permasalahan yang dihadapi.

Sekian, terima kasih.